

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1985/86

RGE 458 - Pembangunan dan Pembiayaan Harta

Tarikh: 18 April 1986

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari  
( 3 jam )

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat dan DUA muka surat Lampiran yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan: DUA dari setiap Bahagian A dan B.

BAHAGIAN A

Jawab DUA soalan.

1. (a) Bincangkan secara ringkas proses pelaburan hartanah berdasarkan fasa-fasa pembelian, pengurusan dan jualan.
- (b) Apakah prinsip-prinsip dalam pengendalian pembangunan hartanah?
- (c) Bincangkan fungsi-fungsi mereka yang terlibat dalam perniagaan hartanah.

(25 markah)

2. (a) Bincangkan ciri-ciri hartanah serta nyatakan jenis hartanah mengikut hierarki permintaan.
- (b) Kenapakah pembangunan hartanah penting dalam sesebuah negara yang sedang membangun?

(25 markah)

...2/-

3. (a) Bincangkan pembangunan hartanah di Malaysia di antara tahun 1980 dan 1985.
- (b) Bagaimanakah kerajaan dan institusi-institusi kewangan dapat memainkan peranan yang penting dalam pembangunan hartanah di masa kemelesetan ekonomi kini?

(25 markah)

BAHAGIAN B

Jawab DUA soalan.

4. HODEV merupakan satu pengaturcara komputer yang dapat menolong pemaju-pemaju perumahan membuat keputusan dengan lebih objektif lagi. Bincangkan.

(25 markah)

5. (a) Bagaimanakah anda akan menulis laporan kedayapayaan pembangunan hartanah dengan teratur?
- (b) Nyatakan komponen-komponen kos projek dan anggarkan peratusnya.

(25 markah)


6. (a) Dalam kajian kewangan ada beberapa kaedah yang dapat digunakan untuk mengukur sama ada sesuatu projek itu berkeupayaan atau tidak. Bincangkan kaedah-kaedah tersebut.

(b) Gunakan kelok "S" untuk menentukan nilai aliran wang yang keluar berpandukan maklumat-maklumat berikut:-


- (i) Nilai kos projek sejumlah \$18 juta.
- (ii) Jangkamasa projek ialah 16 bulan.

(25 markah)

-ooo00ooo-



GERAF KELOK 'S'



CARTA MENGUBAHSUI MASA